



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

NAMA KURSUS : **OPERASI PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM**

KOD KURSUS : **DPI3243**

PEPERIKSAAN : **NOVEMBER 2020**

MASA : **6 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian BAHAGIAN A (100 Markah)
 2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
 3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
 4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 5. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 3 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan perkembangan sistem perbankan Islam pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

(10 markah)

- b. Bezakan prinsip syariah di bawah berserta contoh aplikasinya.

- i. Prinsip kongsi sama keuntungan.

(5 markah)

- ii. Prinsip berdasarkan caj, komisen, yuran.

(5 markah)

SOALAN 2

- a. Bagaimanakah konsep faedah yang telah dipraktikkan oleh kaum Yahudi serta Yunani dan Romawi?

(10 markah)

- b. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah **empat (4)** tahap larangan riba di dalam al-Quran? Sertakan dalil sebagai bukti.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Jelaskan **lima (5)** peranan Bank Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(10 markah)

- b. Bincangkan mengapa perlunya penyeliaan untuk perbankan Islam?

(10 markah)

SOALAN 4

Pelaburan emas semakin popular dalam kalangan masyarakat kebelakangan ini. Produk pelaburan emas ditawarkan oleh pelbagai pihak sama ada institusi perbankan, syarikat-syarikat jualan emas dan pengurus-pengurus dana.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan **empat (4)** prinsip utama dalam pelaburan Islam.

(10 markah)

- b. Bezakan **empat (4)** ciri akaun Simpanan Wadi'ah dan akaun Simpanan Mudharabah berserta contoh aplikasinya.

(10 markah)

SOALAN 5

- a. Bagaimanakah Majlis Penasihat Syariah (MPS) melaksanakan tanda aras yang mematuhi Syariah? Anda juga diminta untuk memberikan contoh bagi setiap jawapan anda.

(10 markah)

- b. Ar-Rahnu adalah satu produk pinjaman (Qardh) jangka pendek iaitu pelanggan akan mencagar emas atau mana-mana sekuriti yang diterima (dirujuk sebagai Emas) sebagai cagaran bagi pinjaman yang diberikan.

Bagaimanakah Bank Islam Malaysia Berhad mengamalkan konsep skim Ar-Rahnu dalam sistem perbankan?

(10 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT